

 Sabtu, Apr 07 2018

Jumlah dagangan meningkat

➔ Bursa tempatan ditutup bercampur-campur, naik 0.88 mata

ULASAN PASARAN

Saham di Bursa Malaysia ditutup bercampur-campur semalam apabila belian saat-saat akhir dalam saham wajaran tinggi terpilih membantu meningkatkan indeks petunjuk pasaran itu.

Pada jam 5 petang, FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) naik 0.88 mata kepada 1,837.01 daripada paras penutup 1,836.13 pada Khamis.

Selepas dibuka tinggi naik 2.92

mata kepada 1,839.05, indeks petunjuk pasaran bergerak antara paras 1,826.32 dan 1,839.07 sepanjang hari dagangan.

Suasana pasaran negatif dengan 589 kaunter rugi mengatasi 383 kaunter untung, manakala 364 kaunter tidak berubah, 534 tidak diniagakan dan 34 yang lain digantung.

Jumlah dagangan meningkat kepada 3.02 bilion unit bernilai RM2.34 bilion daripada 2.21 bilion unit bernilai RM2.02 bilion kelmarin.

Seorang peniaga berkata, sentimen pasaran menjadi berhati-hati susulan ancaman Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump untuk mengenakan tarif baharu ke atas China.

"Langkah Trump itu mencetuskan semula kebimbangan berlakunya perang perdagangan antara AS dan China, selepas beliau mengarahkan pegawai perdagangan AS untuk menimbangkan tarif AS\$100 bilion (AS\$1=RM3.86) lagi ke atas import dari China.

"Selain itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak semalam

mengumumkan pembubaran Dewan Rakyat hari ini dan ia menambah lagi kepada suasana berhati-hati dalam pasaran," katanya.

Dalam kalangan saham wajaran tinggi, Petronas Chemicals naik empat sen kepada RM8.20, CIMB meningkat lima sen kepada RM7.06, IHH menokok dua sen kepada RM6.05, manakala Maybank dan Public Bank tidak berubah masing-masing pada RM10.48 dan RM23.94.

Dalam kalangan saham yang diniagakan cergas, UMW O&G tidak berubah pada 23.5 sen, Sapura Energy susut dua sen kepada 50 sen dan Borneo Oil naik setengah sen kepada lapan sen.

Indeks FBM Emas susut sebanyak 1.88 mata kepada 12,776.26, Indeks FBMT 100 naik 1.97 mata kepada 12,620.9 dan Indeks FBM Emas Syariah meningkat 6.74 mata kepada 12,893.7.

FBM 70 turun 11.77 mata kepada 15,167.91 dan FBM Ace meningkat 20.46 mata kepada 5,039.65.

Mengikut sektor, Indeks Kewangan turun 51.4 mata kepada 17,968.93, Indeks Perladangan susut

19.37 mata kepada 7,916.75 dan Indeks Perusahaan berkurangan 0.64 mata kepada 3,198.5.

Jumlah dagangan Pasaran Utama turun kepada 1.36 bilion unit bernilai RM1.67 bilion daripada 1.42 bilion unit bernilai RM1.91 bilion pada Khamis.

Jumlah dagangan di Pasaran ACE turun kepada 327.84 juta saham bernilai RM53.07 juta daripada 438.21 juta saham bernilai RM68.13 juta.

Jumlah dagangan waran meningkat kepada 1.34 bilion unit bernilai RM612.73 juta daripada 352.0 juta unit bernilai RM43.04 juta sebelumnya.

Barangan pengguna menyumbang 56.59 juta saham yang diniagakan di Pasaran Utama, barangan perusahaan (298.56 juta), pembinaan (87.33 juta), perdagangan dan perkhidmatan (663.02 juta), teknologi (34.93 juta), prasarana (9.69 juta), SPAC (3.23 juta), kewangan (39.1 juta), hotel (3.48 juta), hartanah (136.47 juta), perladangan (11.55 juta), perlombongan (80,200), REITs (16.08 juta), dan dana tertutup (9,000).

BERNAMA